



Kebaikan & Kekurangan E-DOMPET



SOALAN

Penggunaan e-dompot meningkat sebanyak 131 peratus kepada lebih 600 juta transaksi pada 2020 berbanding tahun sebelumnya. Laporan Paynett 2022 menunjukkan peratusan rakyat Malaysia menggunakan wang tunai untuk pembayaran menurun 11 peratus kepada 78 peratus berbanding sebelum pandemik sebanyak 89 peratus. Hal ini menunjukkan digitalisasi pembayaran tanpa tunai telah mula diterima pakai dan dijangka menjadi budaya dalam kalangan rakyat pada masa akan datang.

Sumber: Internet


Berdasarkan petikan di atas, bincangkan kelebihan dan kekurangan penggunaan e-dompot.

PENDAHULUAN

E-dompot merupakan aplikasi digital yang berfungsi seperti dompet fizikal, iaitu menyimpan wang, kad debit dan juga maklumat akaun. Penggunaan aplikasi e-dompot kini bukanlah sesuatu yang asing kerana semakin banyak premis perniagaan seperti restoran, kedai runcit, stesen minyak dan pusat membeli belah menawarkan pilihan transaksi e-dompot kepada pengguna. Antara contoh aplikasi e-dompot yang popular ialah Boost, Apple Pay, GrabPay, Touch N Go dan BigPay. Meskipun kaedah pembayaran tanpa tunai kian meluas dan dijangka menjadi budaya dalam kalangan rakyat pada masa akan datang, namun penggunaan aplikasi ini masih terdapat kelemahannya. Persoalannya, apakah kebaikan dan kelemahan penggunaan e-dompot?

ISI 1

Kebaikan:
Memudahkan urusan pembayaran



HURAIAN

- melalui aplikasi e-dompot, semua transaksi perbelanjaan dan pembelian dilakukan melalui telefon pintar yang ringan dan mudah dibawa ke mana-mana

CONTOH

- pengguna hanya perlu mengimbas kod QR yang disediakan untuk membuat pembayaran
- pengguna tidak lagi perlu membawa dompet atau beg tangan berisi wang tunai yang banyak malah tidak perlu beratur panjang untuk mengeluarkan wang di bank

KESAN

- sesuai dengan peribahasa **masa itu emas**, pengguna dapat menjimatkan masa dalam menyelesaikan urusan pembayaran kerana semua transaksi boleh dijalankan di hujung jari sahaja pada bila-bila masa

ISI 2

Kebaikan:
Memudahkan penyimpanan rekod perbelanjaan



HURAIAN

- penggunaan aplikasi ini membolehkan kita menjejak sejarah perbelanjaan dan transaksi yang dilakukan

CONTOH

- pengguna boleh memeriksa jumlah wang yang telah dibelanjakan, tujuan dan lokasi perbelanjaan dengan tepat
- resit-resit perbelanjaan tidak perlu lagi disimpan di dalam dompet kerana kebanyakan sistem pembayaran dalam talian menawarkan kemudahan laporan dan dokumentasi untuk setiap transaksi

KESAN

- pengurusan kewangan akan menjadi lebih efisien dan teratur seterusnya mengelakkan berlakunya pembaziran kerana **membazir itu amalan syaitan**

ISI 3

Kekurangan:
Risiko keselamatan



HURAIAN

- sejajar dengan bilangan pengguna yang semakin bertambah, penggunaan aplikasi e-dompot mudah terdedah kepada risiko kebocoran maklumat peribadi dan penggodaman

CONTOH

- terdapat pengguna yang meletakkan nombor kad pengenalan atau tarikh lahir sebagai nombor pin yang memudahkan akaun digodam
- pengguna juga perlu memasukkan butiran peribadi seperti alamat rumah, e-mel dan nombor telefon yang boleh disalah guna oleh pihak yang tidak bertanggungjawab

KESAN

- hal ini menyebabkan timbulnya perasaan ragu-ragu dan takut untuk menggunakan aplikasi e-dompot lalu memilih kaedah pembayaran tunai fizikal

KESIMPULAN

Kesimpulannya, penggunaan e-dompot mempunyai kebaikan dan kelemahannya. Para pengguna perlulah memanfaatkan kemudahan e-dompot dengan bijaksana agar tidak berlaku penyalahgunaan yang memudaratkan. Penyedia aplikasi e-dompot pula perlu sentiasa menaik taraf ciri-ciri keselamatan e-dompot untuk mengelakkan ancaman penipuan siber, sesuai dengan peribahasa **sediakan payung sebelum hujan**. Semoga impian untuk mewujudkan masyarakat tanpa tunai di Malaysia akan dapat direalisasikan sejajar dengan pembangunan era kewangan digital yang semakin pesat.

CATATAN


Isi tambahan

Kelebihan e-dompot:

- banyak ganjaran disediakan – pulangan wang, mata ganjaran, baucar
- selamat – nombor pin, pengesahan cap jari

Kelemahan e-dompot:

- pembaziran mudah berlaku
- penggunaannya memerlukan talian Internet yang stabil



Faedah-Faedah MELANCONG



SOALAN

Dewasa ini, aktiviti melancong sudah menjadi semakin popular sama ada dilakukan secara individu ataupun bersama-sama keluarga. Namun begitu, masih ada yang menganggap melancong hanyalah sesuatu yang membuang masa dan wang semata-mata untuk berseronok. Melancong sebenarnya mempunyai pelbagai manfaat seperti menambahkan ilmu pengetahuan, menghilangkan stres, dan berupaya menjana ekonomi negara.

Sumber: Internet

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan faedah-faedah tersebut.

PENDAHULUAN

Melancong adalah antara aktiviti utama yang menjadi pilihan masyarakat untuk dilakukan setelah sekian lama berhadapan dengan rutin harian yang melelahkan. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat banyak pilihan destinasi pelancongan yang menarik untuk diterokai sama ada di dalam mahupun di luar negara. Contohnya, pengaruh artis K-pop dan drama Korea yang **bagai cendawan tumbuh selepas hujan** mendorong rakyat Malaysia memilih Seoul, Busan dan Pulau Jeju sebagai destinasi pelancongan. Namun begitu, terdapat tanggapan bahawa aktiviti melancong membuang masa dan membazirkan wang. Hakikatnya, melancong sebenarnya mempunyai pelbagai faedah. Persoalannya, apakah faedah-faedah melancong?

ISI 1

Menambahkan ilmu pengetahuan dan pengalaman baharu



HURAIAN

- kita berpeluang untuk melihat dan mengenali keunikan dan kepelbagaian budaya, bahasa dan khazanah warisan yang terdapat di sesuatu tempat sesuai dengan peribahasa **jauh perjalanan, luas pemandangan, banyak pengalaman**

CONTOH

- Istana Edinburgh yang dibina pada abad ke-12 di Scotland membolehkan pelancong mengetahui cara hidup golongan diraja pada zaman dahulu
- kita juga boleh mencuba makanan tradisional, membeli barangan kraf atau menyertai aktiviti-aktiviti budaya untuk merasai kehidupan penduduk tempatan.

KESAN

- pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh melalui aktiviti melancong akan menjadikan seseorang berfikir lebih terbuka dan matang, bukan seperti **katak di bawah tempurung**

ISI 2

Menghilangkan stres



HURAIAN

- rutin harian yang memenatkan seperti belajar dan mencari rezeki dapat dilupakan seketika ketika melancong

CONTOH

- aktiviti yang dilakukan bersama insan tersayang semasa melancong seperti membeli belah dan mengambil gambar dapat mewujudkan kegembiraan
- pulau-pulau peranginan seperti Pulau Perhentian dan Pulau Tioman yang terkenal dengan panorama menakjubkan dapat memberikan ketenangan

KESAN

- kita akan berasa lebih ceria, tenang dan bersemangat menjalani kehidupan setelah berpeluang merehatkan tubuh dan minda

ISI 3

Menjana ekonomi negara



HURAIAN

- sektor pelancongan dapat mencipta pelbagai jenis pekerjaan dan perniagaan yang berkaitan dengan aktiviti pelancongan sesuai dengan peribahasa **ada gula, ada semut**

CONTOH

- di Pulau Langkawi, ramai penduduk tempatan yang terlibat dalam industri pelancongan sebagai pemandu pelancong, pemandu teksi, penjual cenderamata dan pengusaha rumah inap desa
- terdapat pelabur tempatan dan asing yang berminat untuk melabur dalam projek-projek pelancongan di negara kita

KESAN

- mengurangkan kadar kemiskinan dan pengangguran

KESIMPULAN

Kesimpulannya, aktiviti melancong mempunyai pelbagai faedahnya. Oleh itu, persepsi negatif tentang aktiviti melancong sebagai aktiviti yang membazirkan wang dan membuang masa perlulah diubah. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya perlulah berusaha mempromosikan keistimewaan tempat-tempat pelancongan di negara kita agar Malaysia menjadi destinasi pelancongan terpilih pada peringkat global kerana **kalah tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya**. Semoga masyarakat menjadikan aktiviti melancong sebagai aktiviti pilihan untuk dilakukan bersama insan tersayang dan memperoleh 1001 kenangan yang indah.

CATATAN


Isi tambahan

Faedah melancong:

- mengeratkan hubungan keluarga
- menyuburkan nilai patriotisme dalam diri
- meningkatkan kemahiran komunikasi dan sosial



PEMBELAJARAN MAYA



SOALAN

Pembelajaran dalam talian melalui Google Classroom terbukti membantu guru dan pensyarah menjadikan proses pengajaran mereka lebih menarik dan kreatif. Para guru dan pensyarah turut memanfaatkan media sosial seperti Whatsapp dan Telegram untuk menyampaikan pelbagai maklumat, arahan dan latihan. Walau bagaimanapun, pembelajaran dalam talian hanya berkesan sekiranya capaian Internet dapat dinikmati secara meluas bukan sahaja di bandar tetapi juga di luar bandar dan kawasan pedalaman.

Sumber: Sinar Harian Online

Pembelajaran maya atau pembelajaran dalam talian mempunyai manfaatnya. Huraikan manfaat pembelajaran maya.

PENDAHULUAN

Pada masa ini, pembelajaran maya bukanlah suatu perkara asing lagi di negara kita. Hal ini disebabkan oleh pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi yang semakin pesat. Selain itu, penularan Covid-19 yang melanda seluruh dunia turut memperlihatkan peningkatan mendadak penggunaan platform pembelajaran dalam talian bagi menggantikan pembelajaran di dalam bilik darjah. Antara aplikasi pembelajaran maya yang popular ialah Google Classroom, ClassDojo, Microsoft Team, WhatsApp dan Telegram. Walaupun terdapat isu seperti masalah capaian Internet di kawasan pedalaman dan pelajar tidak mempunyai peranti elektronik, kaedah pembelajaran maya tetap mempunyai manfaatnya.

ISI 1

Pembelajaran lebih menarik, kreatif dan interaktif



HURAIAN

- murid masa kini ialah generasi digital yang lebih berminat dengan penggunaan teknologi berbanding dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran konvensional yang dianggap membosankan

CONTOH

- aplikasi digital seperti Quizizz, Canva, Padlet dan Kahoot membantu guru untuk membina bahan bantu mengajar yang kreatif dan bersifat interaktif
- bahan pengajaran boleh diselitkan dengan grafik, animasi, teks, audio dan visual yang mampu menarik perhatian para pelajar.

KESAN

- kepelbagaian aplikasi menarik yang boleh disesuaikan dengan gaya pembelajaran murid dapat meningkatkan motivasi dan penyertaan pelajar dalam proses pembelajaran
- meningkatkan pencapaian pelajar

ISI 2

Suasana pembelajaran yang lebih kondusif



HURAIAN

- pelajar boleh belajar dengan lebih selesa di kediaman masing-masing menggunakan telefon bimbit dan komputer riba yang mempunyai sambungan Internet

CONTOH

- pelajar tidak perlu untuk berpakaian seragam dan hanya memakai pakaian mengikut keselesaan mereka
- pelajar juga boleh melihat semula rakaman pengajaran guru pada bila-bila masa sekiranya mereka tidak memahami topik yang telah diajar

KESAN

- proses pembelajaran lebih santai dan tidak memberikan tekanan kepada para pelajar

ISI 3

Meningkatkan penguasaan dan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (TMK)



HURAIAN

- kemahiran TMK diperlukan bagi membolehkan guru dan pelajar menggunakan platform pembelajaran dalam talian yang mempunyai pelbagai fungsi dan jenis serta mengakses bahan-bahan digital

CONTOH

- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Google Malaysia bekerjasama melatih guru melalui Program Pendidik Pensijilan Google bagi meningkatkan kemahiran guru dalam pembelajaran digital
- pelajar boleh melayari laman web bersifat akademik dan melakukan pembelajaran sendiri tanpa bantuan guru dengan menggunakan TMK

KESAN

- pendedahan terhadap pelbagai aplikasi terkini dapat mengasah bakat dan kemahiran mereka untuk menghadapi dunia moden masa kini yang penuh dengan teknologi baharu - melahirkan masyarakat celik IT


KESIMPULAN

Kesimpulannya, pelbagai manfaat dapat diperoleh melalui pembelajaran maya. Oleh itu, semua pihak perlulah bekerjasama **bagai aur dengan tebing** untuk memastikan pembelajaran dalam talian dapat dilaksanakan dengan jayanya. Kementerian Pendidikan, pihak universiti mahupun komuniti setempat perlu menyediakan prasarana asas pembelajaran kepada pelajar seperti kemudahan akses capaian Internet. Pihak swasta pula boleh melaksanakan tanggungjawab sosial dengan memberikan sumbangan peranti elektronik seperti komputer riba dan tab kepada golongan pelajar yang kurang berkemampuan. Semoga kualiti pembelajaran secara maya dapat dipertingkatkan demi menjamin kecemerlangan pendidikan generasi muda kerana **pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara**.

CATATAN

Isi tambahan

- Manfaat pembelajaran maya:
- menjimatkan kos (pengangkutan, uniform)
 - memudahkan pelajar mencari maklumat
 - mendorong penglibatan aktif murid
 - lebih selamat (risiko kemalangan, penyakit berjangkit)





Peranan Pelbagai Pihak Memupuk AMALAN MEMBACA



SOALAN

Amalan membaca amat penting dan begitu besar kuasanya untuk membangunkan kemajuan serta mengubah sesebuah masyarakat dan negara. Namun demikian, Indeks Skor Budaya Sedunia (WCSI) merekodkan rakyat Malaysia hanya membaca kurang tiga jam seminggu dan rekod purata membaca rakyat Malaysia kurang memberangsangkan iaitu 15 hingga 20 buku setahun berbanding dengan 40 buah buku setahun di negara maju.

Sumber: Internet

Sebagai respons kepada petikan di atas, pelbagai pihak perlu memainkan peranan dalam usaha menyuburkan amalan membaca. Bincangkan.

PENDAHULUAN

Amalan membaca merupakan amalan yang mulia. Hal ini dikatakan demikian kerana manusia memperoleh pelbagai ilmu pengetahuan dan pengalaman melalui pembacaan sesuai dengan peribahasa **membaca jambatan ilmu**. Malangnya, budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia masih rendah, iaitu hanya 15 hingga 20 buku setahun kerana golongan belia dan dewasa kini lebih cenderung kepada hiburan berasaskan digital. Kesannya, masyarakat yang meminggirkan amalan membaca akan menjadi mundur dan ketinggalan. Oleh hal yang demikian, semua pihak perlu memainkan peranan untuk menyuburkan amalan membaca dalam kalangan masyarakat.

ISI 1

Ibu bapa mendidik anak-anak tentang amalan membaca sejak kecil



HURAIAN

- anak-anak yang masih kecil lebih mudah dibentuk dan dididik untuk menjadi insan yang suka membaca sesuai dengan peribahasa **melenjur buluh biarlah dari rebungnya**

CONTOH

- perpustakaan mini boleh diwujudkan dengan diisi bahan bacaan bersesuaian untuk anak-anak dan memperuntukkan masa untuk membaca bersama mereka
- ibu bapa membawa anak-anak mengunjungi perpustakaan, kedai buku dan pesta buku. seperti Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL)

KESAN

- anak-anak akan terbiasa dengan amalan membaca sehingga dewasa kerana **alah bisa tegal biasa**

ISI 2

Pihak sekolah mengadakan pelbagai aktiviti galakan membaca



HURAIAN

- kecenderungan pelajar untuk membaca hanya didorong oleh keperluan untuk lulus peperiksaan

CONTOH

- pihak sekolah boleh bekerjasama dengan agensi kerajaan atau swasta seperti Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mengadakan pameran dan jualan buku
- program Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM) perlu diperkasakan pelaksanaannya agar tidak sekadar **melepaskan batu di tangga**

KESAN

- program galakan membaca yang dijalankan secara konsisten dapat memotivasikan pelajar dan menyemarakkan budaya membaca pada peringkat sekolah

ISI 3

Media massa menghebahkan kepentingan amalan membaca kepada masyarakat



HURAIAN

- pengetahuan tentang kepentingan membaca dalam kalangan masyarakat dapat disebarkan secara meluas dan lebih berkesan

CONTOH

- melalui media sosial seperti Instagram dan TikTok, pengengaruh terkenal boleh menyebarkan maklumat tentang kepentingan membaca
- Program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit ditularkan dalam media sosial bagi mengajak dan menggalakkan masyarakat membaca di mana-mana sahaja

KESAN

- bangsa yang berilmu akan dapat diwujudkan apabila masyarakat menjadikan amalan membaca sebagai suatu gaya hidup kerana **bangsa membaca, bangsa berjaya**

KESIMPULAN

Kesimpulannya, semua pihak perlulah bekerjasama **bagai aur dengan tebing** untuk menyuburkan amalan membaca dalam kalangan masyarakat di negara kita. Kerajaan perlu lebih giat meningkatkan akses capaian kepada bahan bacaan melalui pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi. Selain itu, sokongan kewangan dan kerjasama daripada badan kerajaan, agensi swasta dan orang perseorangan amat diharapkan untuk merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia sebagai negara membaca menjelang tahun 2030. Semoga dengan suburannya amalan membaca, masyarakat yang berminda kelas pertama dapat dibentuk.

CATATAN

Isi tambahan

Peranan pihak kerajaan:

- penganjuran Bulan Membaca Kebangsaan
- penyediaan infrastruktur untuk membaca – perpustakaan bergerak, perpustakaan digital
- pemberian insentif – bawar buku kepada golongan pelajar





Kebaikan-Kebaikan Penggunaan MEDIA SOSIAL



SOALAN

Penggunaan media sosial kini sangat popular dalam kalangan remaja. Rata-ratanya tahu menggunakan platform itu sama ada untuk bersosial atau menjana pendapatan. Namun, media sosial juga mempunyai sisi gelapnya dalam mempengaruhi pengguna khususnya orang muda, remaja dan kanak-kanak. Ketagihan melampau remaja masa kini terhadap media sosial dilihat menjadi pendorong kepada pembentukan perilaku dan sikap agresif.

Sumber: Internet

Petikan tersebut menyatakan kesan negatif penggunaan media sosial. Walaupun terdapat kesan negatif, tidak dapat dinafikan media sosial banyak membantu remaja dalam kehidupan seharian. Huraikan kebaikan penggunaan media sosial kepada remaja.

PENDAHULUAN

Dewasa ini, media sosial yang muncul **bagai cendawan tumbuh selepas hujan** semakin mendapat tempat dalam golongan remaja. Hal ini dikatakan demikian kerana aplikasi media sosial memiliki platform komunikasi yang interaktif dan rangkaiannya melangkaui segenap benua. Selain itu, kebanyakan aplikasi ini yang disediakan secara percuma turut menarik minat remaja untuk menggunakannya. Contohnya, Instagram, WhatsApp dan TikTok memiliki berjuta-juta pengguna dalam kalangan generasi muda. Meskipun penggunaannya mempunyai kesan negatif seperti ketagihan yang melampau, tidak dapat disangkal bahawa media sosial turut membantu remaja dalam kehidupan seharian. Persoalannya, apakah kebaikan-kebaikan yang diperoleh remaja daripada penggunaan media sosial?

ISI 1

Menambahkan kenalan serta mengeratkan hubungan



HURAIAN

• media sosial memberikan peluang kepada penggunanya untuk menambah kenalan atau bertanya khabar antara saudara mara dan rakan taulan yang berada di mana-mana sahaja tanpa perlu bertemu muka

CONTOH

- Facebook dan Instagram menyediakan kemudahan carian kenalan, menerima kenalan baharu ataupun menghantar permintaan untuk berkenalan dengan individu lain
- aplikasi WhatsApp pula membolehkan pengguna menghantar mesej dan membuat panggilan video

KESAN

- kemesraan yang terjalin dapat dikekalkan dan kian erat meskipun menghadapi kekangan jarak sesuai dengan peribahasa **jauh di mata, dekat di hati**

ISI 2

Menjana sumber pendapatan



HURAIAN

• keberkesanan media sosial mendorong ramai usahawan baharu mengiklan, mempromosi dan memasarkan produk di alam maya

CONTOH

- melalui Youtube dan TikTok remaja dapat menjana wang apabila mereka memuat naik pelbagai genre kandungan video yang berkualiti dan menarik
- pelbagai jenis barang boleh dijual melalui media sosial seperti tudung, beg tangan, perhiasan wanita, barangan kosmetik serta beraneka jenis makanan

KESAN

- memupuk minat golongan remaja untuk menceburi bidang keusahawanan dengan kos yang lebih rendah kerana **di mana ada kemahuan, di situ ada jalan**

ISI 3

Medium pembelajaran dalam talian



HURAIAN

• ilmu pengetahuan dapat diperoleh melalui kaedah pembelajaran yang lebih menyeronokkan, interaktif dan kreatif berbanding pembelajaran formal di sekolah

CONTOH

- kandungan video pembelajaran di TikTok yang santai dengan durasi maksimum tiga minit lebih menarik dan mudah difahami oleh golongan pelajar
- terdapat pelbagai laman di Telegram yang menyediakan nota, soalan latihan berserta skema jawapan yang boleh menjadi rujukan pelajar

KESAN

- sekiranya dilakukan dengan bersungguh-sungguh, pembelajaran dalam talian berupaya meningkatkan pencapaian akademik pelajar sesuai dengan peribahasa **kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya**

KESIMPULAN


Kesimpulannya, terdapat pelbagai kebaikan yang diperoleh remaja melalui penggunaan media sosial. Remaja perlulah menggunakan media sosial secara berhati-hati agar tidak mendatangkan implikasi negatif seperti ketagihan media sosial dan buli siber kerana **sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna**. Ibu bapa perlulah sentiasa menasihati dan mendidik anak-anak tentang etika penggunaan media sosial. Selain itu, undang-undang siber perlulah dikuatkuasakan secara tegas oleh pihak berkuasa agar tiada sesiapa yang menjadi mangsa. Semoga golongan remaja bijak dalam menggunakan teknologi masa kini agar dapat memajukan diri, bangsa dan negara.


CATATAN

Isi tambahan

→ Kebaikan media sosial:

- merehatkan minda – pelbagai permainan dalam talian
- mendapatkan berita/isu-isu semasa secara pantas
- mengisi masa lapang





Aktiviti-Aktiviti Bermanfaat Semasa CUTI PERSEKOLAHAN



SOALAN

Selepas bertungkus lumus menjalani rutin sebagai pelajar, pastinya cuti sekolah menjadi antara perkara yang sangat dinantikan. Musim cuti persekolahan bukanlah tiket bagi seseorang murid untuk melupakan ilmu dan menggunakan sepenuhnya masa dengan bermain. Pelbagai aktiviti bermanfaat boleh dirancang agar masa yang ada tidak berlalu sia-sia.

Sumber: Berita Harian Online

Berdasarkan petikan akhbar di atas, masa lapang ketika cuti persekolahan perlulah diisi dengan pelbagai aktiviti yang berfaedah. Jelaskan aktiviti-aktiviti bermanfaat yang dapat anda lakukan ketika cuti persekolahan.

PENDAHULUAN

Cuti persekolahan terutamanya cuti akhir tahun persekolahan merupakan perkara yang sentiasa dinantikan oleh setiap murid. Hal ini dikatakan demikian kerana pada masa inilah murid dapat berehat seketika setelah menjalani rutin pembelajaran di sekolah yang padat dan melelahkan. Namun demikian, musim cuti persekolahan bukanlah tiket bagi seseorang murid untuk melupakan ilmu dan menggunakan masa sepenuhnya dengan bermain. Pengisian aktiviti yang bermanfaat berupaya menghalang murid-murid terjebak dengan perlakuan atau perbuatan negatif yang membinasakan diri seperti melepak, lumba haram dan penyalahgunaan dadah. Oleh hal yang demikian, aktiviti-aktiviti yang bermanfaat perlulah dirancang agar masa cuti persekolahan dapat diisi dengan sebaiknya.

ISI 1

Menimba ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang



HURAIAN

- ilmu merupakan penyuluh kehidupan sesuai dengan peribahasa **ilmu pelita hidup**

CONTOH

- saya boleh mencuba pelbagai resipi masakan, menghias landskap dan lain-lain melalui pembacaan atau pembelajaran melalui YouTube
- saya juga boleh mengikuti program berbentuk kem cuti sekolah yang dianjurkan oleh badan-badan kerajaan dan pihak swasta

KESAN

- sekiranya rajin menimba ilmu, banyak pengetahuan akan diperoleh yang akan memantapkan pemikiran seseorang agar tidak menjadi seperti **katak di bawah tempurung**

ISI 2

Melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan



HURAIAN

- penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan membolehkan saya belajar bergaul dan berinteraksi dengan pelbagai lapisan masyarakat agar tidak menjadi **kera sumbang**

CONTOH


- membantu menghidangkan juadah dan membasuh pinggan mangkuk pada majlis kenduri kahwin secara gotong-royong - **berat sama dipikul, ringan sama dijinjing**
- melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan seperti menyediakan makanan untuk gelandangan

KESAN

- aktiviti ini dapat menerapkan nilai-nilai murni seperti keprihatinan dalam diri dan seterusnya melahirkan generasi yang memiliki keperibadian unggul kerana **pemuda harapan bangsa, pemuda tiang negara**

ISI 3

Melancong bersama-sama keluarga



HURAIAN

- aktiviti ini membolehkan saya merehatkan minda dan tubuh badan daripada kepenatan mengikuti pembelajaran di sekolah

CONTOH

- berkunjung ke pulau-pulau peranginan terkenal yang memiliki panorama menakjubkan seperti Pulau Langkawi, Pulau Pangkor dan Pulau Tioman
- tempat-tempat bersejarah seperti Kota A Famosa, dan Bangunan Sultan Abdul Samad juga boleh dilawati bagi mendalami sejarah negara kerana **tak kenal maka tak cinta**

KESAN

- hubungan kekeluargaan akan menjadi bertambah erat apabila pelbagai aktiviti dapat dilakukan secara bersama-sama selain mendapat pengetahuan baharu tentang sesuatu tempat kerana **jauh perjalanan luas pemandangan**

KESIMPULAN

Kesimpulannya, terdapat pelbagai aktiviti bermanfaat yang boleh dilakukan semasa cuti persekolahan. Setiap murid perlulah berusaha memanfaatkan masa cuti persekolahan dengan sebaik-baiknya agar tidak mengalami kerugian akibat pembaziran masa kerana **masa itu emas**. Selain itu, ibu bapa perlulah bersikap cakna dengan bersama-sama merancang pelbagai kegiatan yang dapat memberikan kebaikan terhadap anak-anak mereka. Guru-guru juga boleh memberikan nasihat dan panduan kepada murid-murid tentang cara-cara memanfaatkan masa cuti mereka. Semoga aktiviti berfaedah yang dilakukan semasa cuti persekolahan memberikan pengetahuan yang berguna dan pengalaman yang menyenangkan kepada murid.

CATATAN

Isi tambahan

Aktiviti bermanfaat semasa cuti persekolahan:

- pulang ke kampung halaman
- aktiviti sukan dan riadah
- bekerja sambilan
- mengikuti kelas/program kemahiran
- membantu ibu bapa di rumah
- mengulang kaji pelajaran

